

Tabiat ekoran gangguan mental

Kuala Lumpur: Tabiat mencuri barangan yang tidak diperlukan dan ada masanya tidak bernilai dikenali sebagai kleptomania iaitu gangguan kawalan pada impuls dan boleh dirawat jika pesakit bersedia bertemu doktor psikiatri.

Bagaimanapun kata Perunding Psikologi Universiti Putra Malaysia (UPM) Siti Fatimah Abdul Ghani, kebanyakan pesakit itu malu mendedahkan tabiat buruk mereka.

“Bimbingan khusus terutama daripada keluarga dan orang terdekat amat penting bagi mengatasi masalah pesakit gangguan kawalan ini,” katanya.

Beliau berkata, tiga langkah yang boleh dilakukan untuk membantu mereka adalah dengan pemulihan, perkembangan dan pencegahan.

“Ketika pemulihan, mereka didedahkan pendekatan hukuman dan rawatan emosi selain mengenal pasti punca gangguan,” katanya.

Mengulas lanjut Siti Fatimah berkata, pengidap selalunya tidak dapat menahan keinginan atau dorongan untuk mencuri barangan yang tidak diperlukan, malah tidak ada nilai pun baginya.

“Tabiat mencuri ini berbeza dengan mencuri yang dilakukan penjenayah.

“Penjenayah akan merancang dulu lokasi atau sasaran dan barangan yang mahu dicurinya terutama barangan bernilai sama ada untuk kegunaan sendiri atau dijual semula. Mereka juga tidak rasa bersalah melakukan jenayah terbabit.

“Sebaliknya, penghidap kleptomania pula mencuri apabila timbul perasaan untuk berbuat demikian secara tiba-tiba. Dia tidak merancang pun untuk mencuri, tetapi rasa untuk mencuri itu datang sendiri dengan membuak-buak,” katanya.

|||||

“Penghidap kleptomania pula mencuri apabila timbul perasaan untuk berbuat demikian. Dia tidak merancang pun untuk mencuri”

Siti Fatimah Abdul Ghani